

# 3M: Kit Siang tunggu jawapan MCA

IPOH, Ahad — Berjayakah DAP mempengaruhi parti-parti komponen bukan Melayu dalam Barisan Nasional dalam percubaannya menghalang pelaksanaan 3M di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Cina dan Tamil?

Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang begitu berminat sekali mengadakan pertemuan bersama dengan MCA, Gerakan, Supp dan MIC untuk mendesak agar sidang Parlimen tergepar segera diadakan berhubung dengan perkara itu.

Beliau menghantar kawat dan cuma menunggu jawapan dari pemimpin-pemimpin parti berkenaan untuk mengadakan mesyuarat bersama di Kuala Lumpur dalam beberapa

hari lagi.

Datuk Lee San Choen dari MCA yang kini berada di luar negeri, Datuk Dr. Lim Keng Yaik dari Gerakan, Datuk Sany Vellu dari MIC dan Tan Sri Ong Kee Hui dari Supp telah dimaklumkan mengenai pertemuan itu.

Demikian ditegaskan oleh Encik Lim yang juga ketua pembangkang di Dewan Rakyat di pertemuan khas dengan DAP Perak di sini pagi ini.

Beliau berpendapat pelaksanaan sistem 3M yang kini masuk ke minggu kedua juga harus dibincangkan oleh Persatuan-persatuan Ibubapa-Guru untuk mendesak agar ia diberhentikan segera.

Encik Lim mendakwa MCA, Gerakan, Supp dan MIC gagal menunjukkan sikap langgungjawab mereka kepada rakyat